

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Guardian lancar Bonanza Amal Ulang Tahun
28 Aug 2010
Harian Ekspres (KK)
Ekonomi
N/A
Daily
29,826 / 97,836

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
7
93 cm²
Black/white
192
575



Guardian lancar Bonanza Amal Ulang Tahun

KUALA LUMPUR: Guardian menyambut ulang tahunnya yang ke-43 dengan menjamin untuk menyumbang bagi tujuan amal yang bernilai menerusi Bonanza Amal Ulangtahunnya.

Program itu disasarkan untuk mengutip dana bagi tiga organisasi bukan berasaskan keuntungan iaitu Pride Foundation, Organisasi Bantuan Wanita (WAO) dan World Vision Malaysia.

"Memandangkan kita menyambut ulang tahun ke-43, kita mengiktiraf kepentingan untuk memberikan semula kepada komuniti, kita berbangga untuk memperkukuhkan kembali kepercayaan ini dengan melibatkan diri kita menerusi usaha itu yang mana membantu dan mempromosi penjagaan, pembangunan dan kesejahteraan komuniti setempat," kata Ketua Pegawai Operasi Guardian Malaysia, Loi Liang Tok dalam satu upacara penyampaian cek.

"Seiring dengan pertumbuhan kami, membantu masyarakat merupakan sebahagian daripada falsafah korporat kami, kami kekal komited menerusi tujuan amal dan sentiasa menempatkan komuniti sebagai keutamaan tanpa menghiraukan ekonomi."

Kempen amal pada Jun berjaya

mengumpul RM250, 000 dan Guardian menambahkannya dengan RM100, 000. Dari itu, dana yang dikumpulkan itu didermakan kepada Pride Foundation (RM200, 000), WAO (RM100, 000) dan RM50, 000 kepada World Vision Malaysia.

Dana yang disumbangkan kepada Pride Foundation akan membantu program dan inisiatif ditujukan untuk mendidik warga Malaysia berhubung kanser payu dara dan meningkatkan standard diagnosis, menjadikan rawatan boleh didapati termasuk penjagaan pesakit kanser payu dara di negara ini. Dalam pada itu, WAO akan menggunakan derma itu untuk mewujudkan kehidupan yang lebih baik kepada golongan yang di bawah penjagaan mereka termasuk menyediakan perlindungan kepada wanita dan anak-anak mereka yang didera, kaunseling dan talian bantuan serangan seksual oleh petugas sosial yang berkelayakan kepada wanita.

World Vision Malaysia akan menggunakan dana itu untuk Program Persepaduan Semula Sosial bagi menyokong projek "Malaysian Care" mereka, disasarkan untuk menyediakan sokongan, latihan dan penjagaan kepada pemberi jagaan, wanita dan kanak-kanak yang menerima impak penderaan dan HIV/AIDS.